

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	PROJEK PENINGKATAN DAYA SAING MELALUI ADAPTASI BEHAVIOURAL INSIGHTS DI KALANGAN PELAJAR BERKENAAN KEPENTINGAN PEMBELAJARAN PERINGKAT TINGGI
TARIKH	:	JULAI – NOVEMBER 2020
BAJET	:	BAJET PEMBANGUNAN – RM 120,000 (BEHAVIOURAL INSIGHTS BI).
OBJEKTIF	:	1. Menjalankan projek secara eksperimental terhadap punca-punca penurunan signifikan populasi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi 2. Mencadangkan intervensi mentransformasi tingkahlaku pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi
JANGKAAN HASIL/OUTPUT	:	1. Laporan projek yang meliputi 16 sekolah seluruh Malaysia berkenaan punca penurunan signifikan populasi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi 2. Dapatan dan kesesuaian penggunaan serta adaptasi <i>Behavioural Insight</i> sebagai alat pengurusan untuk mentransformasikan tingkahlaku pelajar dan pengurusan KPM/PPD terhadap kepentingan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi
JABATAN	:	NATIONAL COMPETITIVENESS STRATEGY / PCD
ULASAN/ TANDATANGAN KETUA AKAUANTAN		
ULASAN/ TANDATANGAN PENGURUS PCT		

PROJEK PENINGKATAN DAYA SAING MELALUI ADAPTASI BEHAVIOURAL INSIGHTS DI KALANGAN PELAJAR BERKENAAN KEPENTINGAN PEMBELAJARAN PERINGKAT TINGGI

1.0 Tujuan

Tujuan kertas cadangan ini adalah untuk maklumkan kepada pihak Lembaga Pengurusan MPC (BOM) berkenaan cadangan projek peningkatan daya saing melalui adaptasi *Behavioural Insights* di kalangan pelajar berkenaan kepentingan pembelajaran peringkat tinggi

2.0 Latarbelakang

MPC yang merupakan rakan strategik World Economic Forum (WEF) dan Institute of Management Development (IMD) adalah agensi bertanggungjawab di bawah MITI untuk menyelaraskan dengan kementerian/agensi berkaitan dan pihak swasta berkenaan input-input serta data-data prestasi daya saing Malaysia untuk tahun 2020. Laporan tahunan WEF iaitu Global Competitiveness Report (GCR) dan IMD iaitu World Competitiveness Yearbook (WCY) digunakan sebagai rujukan pembuat polisi, ahli ekonomi, pelabur untuk melihat serta menilai prestasi ekonomi sesebuah negara berdasarkan indeks daya saing sesebuah negara.

Di dalam laporan GCR 2019, indikator berkaitan Kemahiran iaitu *6.07 School Life Expectancy* mengalami penurunan ketara iaitu tangga 74 (2018) kepada 78 (2019). Berdasarkan kajian dan analisis yang dijalankan, di dapati bahawa terdapat penurunan signifikan kepada populasi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi selepas pendidikan peringkat menengah. Analisa lanjut perlu dilaksanakan untuk mencari punca kepada penurunan ini sama ada ianya berkaitan dengan maklumat pelajar tidak diperolehi sepenuhnya atau terdapat faktor sikap pelajar selepas pendidikan peringkat menengah.

Mesyuarat bersama YBhg Dato Kamel Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersetuju dengan cadangan untuk KPM dan MPC menjalankan projek *Behavioural Insights* melibatkan 16 buah sekolah terpilih di seluruh Malaysia untuk memahami punca jumlah populasi yang tidak mengikuti pengajian tinggi.

3.0 Objektif

- Menjalankan projek secara eksperimental terhadap punca-punca penurunan signifikan populasi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi
- Mencadangkan intervensi mentransformasi tingkahlaku pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi

4.0 Jangkaan Hasil/Output

- Laporan projek yang meliputi 16 sekolah seluruh Malaysia berkenaan punca penurunan signifikan populasi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi
- Dapatan dan kesesuaian penggunaan serta adaptasi Behavioural Insighst sebagai alat pengurusan untuk mentransformasikan tingkahlaku pelajar dan pengurusan KPM/PPD terhadap kepentingan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi


5.0 Kos

Jumlah keseluruhan kos adalah sebanyak RM120,000. Perincian adalah seperti di **Lampiran**.

6.0 Rekomendasi & Penutup

Kelulusan pihak Lembaga Pengurusan MPC (BOM) adalah dipohon untuk peruntukan RM120,000 bagi menjalankan projek di atas.

Disediakan oleh:



Jerry Shahnizal Ab Aziz
Pengurus
6 Julai 2020

Disemak oleh:



Muhamad Muzaffar A. Hamid
Timbalan Pengarah
6 Julai 2020

Lampiran

CADANGAN BAJET UNTUK PROJEK PENINGKATAN DAYA SAING MELALUI ADAPTASI BEHAVIOURAL INSIGHTS DI KALANGAN PELAJAR BERKENAAN KEPENTINGAN PEMBELAJARAN PERINGKAT TINGGI

Fasa	Aktiviti	Perincian	Jumlah
1	Latarbelakang & Konsep (Kerja Awalan dan Sekunder)		RM 4,000
2	Kerja Lapangan (16 sekolah)	RM 5,000 x 16	RM 80,000
3	a) Analisa b) Deraf Laporan dan Syor		RM 20,000
4	a) Laporan akhir dan Syor b) Penerbitan dan Sesi Perkongsian		RM 16,000
			RM 120,000